



PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan seperti berikut :

1.0	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	-	GRED F41
------------	-----------------------------------	----------	-----------------

1.1 Jadual Gaji

F41	P1T1	RM 1899.01	-	P1T25	RM 4715.47
	P2T1	RM 1995.02	-	P2T25	RM 4988.08
	P3T1	RM 2095.21	-	P3T25	RM 5284.57

Elaun

Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 250.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 1

1.2 Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T1); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T3); atau

- (iii) ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T6); atau

- (iv) ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T9); dan

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

1.3 Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (Bagi kakitangan UKM dan PPUKM berjawatan tetap sahaja)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.